

# Giant bantu mangsa banjir



**SHAH ALAM** – Sebagai menjalankan tanggungjawab sosial, pasar raya besar Giant turut menyumbangkan pelbagai jenis makanan dan beberapa keperluan lain kepada mangsa banjir di Kedah.

Barangan seperti minyak masak, beras, biskut, lampin pakai buang bayi, mi segera, makanan segera, susu dan beberapa barang lain bernilai RM120,000 itu dihantar menggunakan lima buah lori ke tempat mangsa banjir pada 5 November lalu.

Giant dalam satu kenyataannya semalam memberitahu, barangan itu disampaikan melalui Yayasan Prihatin Kemiskinan dan Pendidikan Kedah yang diagihkan kepada beberapa pusat pemindahan banjir di



**SYED SOBRI** (kanan) menyerahkan barangan sumbangannya kepada wakil pasar raya Giant, Jaafar Lattif di Alor Setar baru-baru ini.

negeri itu.

Antara pusat pemindahan banjir yang terlibat adalah di daerah Jerlun, Pendang, Padang Terap, Alor Janggus dan Kubang Rotan.

“Turut memberi sumbangan dengan membeli barangan di Giant ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Nerang, Datuk Syed

Sobri Syed Hashim iaitu sebanyak RM20,000 yang membuat serahan di Alor Setar,” jelas kenyataan itu lagi.

Beliau menambah, Giant menjalankan khidmat sosial itu bagi membantu mangsa banjir dan berharap penghantaran barangan itu dapat membantu meringankan beban mereka.